



## Pertandingan Video Berdurasi 1-Minit Kempen Ipoh Bebas Beg Plastik

### PENGENALAN

Pertandingan Mencipta Video berdurasi 1 Minit merupakan satu pertandingan bagi menggalakkan warga Ipoh tidak kira muda ataupun tua bagi menyampaikan kesedaran tentang penggunaan beg plastik di Bandaraya Ipoh (MBI). Kandungan yang disertakan untuk pertandingan ini adalah sama ada dalam bentuk sketsa pendek, iklan atau mesej khidmat awam. Tema bagi pertandingan ini adalah “Suara Anak Ipoh : Ipoh Bebas Beg Plastik”

Pertandingan ini adalah terbuka kepada kesemua warga Bandaraya Ipoh. Jangka masa (durasi) bagi setiap video adalah 1 minit.

Objektif bagi pertandingan ini adalah seperti berikut:

- Memupuk minat dan kreativiti di kalangan warga Bandaraya Ipoh dalam menyampaikan kesedaran dan memupuk semangat cintakan Alam Sekitar melalui media sosial iaitu senjata utama pada era digitalisasi;
- Mencetus keterujaan dikalangan remaja Malaysia terhadap potensi dan peluang dalam industri kandungan kreatif;
- Mendidik para pelajar tentang semangat patriotik dan menghargai sumbangan kemerdekaan terhadap kemajuan Negara

**Tempoh Pertandingan : 2 Minggu**

**Durasi Video : 1 Minit**

**Tarikh Mula Penyertaan : 29 April 2024**

**Tarikh Tutup Penyertaan : 12 Mei 2024**

### SYARAT PENYERTAAN

#### A. Maklumat Pertandingan:

1. Pertandingan Video Berdurasi 1 Minit adalah inisiatif dari MBI bagi menggalakkan penggunaan Beg Kitar Semula di pusat beli belah dan premis-premis perniagaan di sekitar Bandaraya Ipoh.
2. Pertandingan ini dibuka dari 29 April 2024 hingga 12 Mei 2024.
3. Tema adalah “**Suara Anak Ipoh : Kempen Ipoh Bebas Beg Plastik**” dan kandungan video boleh dihantar dalam 3 Bahasa Utama di Malaysia iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil.

## B. Kelayakan Pertandingan

1. Pertandingan Mencipta Video Berdurasi 1-Minit ini terbuka kepada warga Bandaraya Ipoh sahaja.

## C. Terma dan syarat pertandingan

1. Penyertaan adalah secara individu atau berkumpulan, namun hantaran video di dalam media sosial hanyalah melalui satu akaun sahaja.
2. Video penyertaan mesti dimuatnaik sebelum 12 tengah malam pada 12 Mei 2024 kepada Majlis Bandaraya Ipoh seperti yang dinyatakan di bawah. Penyertaan yang lewat daripada tarikh tutup tidak akan diterima.
3. Durasi video hendaklah tidak lebih dari 1 minit.
4. Kandungan video boleh dihantar dalam bentuk sketsa pendek, iklan atau mesej khidmat awam.
5. Bahasa yang digunakan tidak boleh menyentuh isu 3R iaitu *Race*, *Religion* dan *Royalty*.
6. Imej yang dipaparkan hendaklah yang boleh diterima oleh setiap lapisan umur.
7. Kandungan video mestilah karya asal pemohon dan tidak pernah menyertai di dalam mana-mana pertandingan filem/video peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
8. Setiap individu / kumpulan boleh menghantar seberapa banyak penyertaan.
9. Penyertaan adalah percuma.
10. Sebarang muat naik video di dalam media sosial perlu menggunakan hashtag **#IpohBebasBegPlastik #VideoBerdurasi1Minit #MajlisBandarayaIpoh** dan tidak dalam mod "private" sehingga tarikh tutup penyertaan.
11. MBI berhak menolak penyertaan yang tidak mematuhi syarat-syarat pertandingan.
12. Kemenangan peserta boleh dibatalkan sekiranya tidak mematuhi syarat-syarat pertandingan.
13. Keputusan Panel Juri adalah muktamad. Sebarang rayuan tidak akan dilayan.
14. Hakmilik intelek ke atas video tersebut adalah hakmilik peserta. Walau bagaimanapun, MBI berhak membuat salinan video dan menggunakan kandungan video yang dimuatnaik untuk tujuan promosi.
15. Peserta juga mestilah membenarkan suntingan dibuat terhadap video penyertaan bagi tujuan penyiaran selepas tamat tempoh pertandingan.
16. MBI tidak akan bertanggungjawab terhadap apa jua bentuk tuntutan berkaitan dengan video peserta dan oleh mana-mana pihak yang berkenaan.
17. Borang Penyertaan lengkap hendaklah diisi melalui GOOGLE FORM dari pautan berikut:

[https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLScUca4rZObcjCFk5iGU3Wh8uW WfkfLNjnXysuy\\_MvYdkxCwog/viewform?usp=sharing](https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLScUca4rZObcjCFk5iGU3Wh8uW WfkfLNjnXysuy_MvYdkxCwog/viewform?usp=sharing)

## HADIAH

- Hadiah tempat pertama : RM1,000 untuk setiap kumpulan beserta sijil penyertaan
- Hadiah tempat kedua : RM500 untuk setiap kumpulan beserta sijil penyertaan
- Hadiah tempat ketiga : RM250 untuk setiap kumpulan beserta sijil penyertaan

## PERTANYAAN

Untuk pertanyaan / keterangan lanjut, sila hubungi:

Jabatan Pelesenan  
Pertandingan Mencipta Reka Hias Beg Kitar Semula  
Kempen Ipoh Bebas Beg Plastik  
Majlis Bandaraya Ipoh  
No Telefon : 05 208 3358 / 03 208 3439  
Emel : [pelesenan@mbi.gov.my](mailto:pelesenan@mbi.gov.my)  
Web : <https://www.mbi.gov.my>